

## SENARAI PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PETACH SEPANJANG TAHUN 2019

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)	Anjuran	Huraian Sambutan Program
1	Majlis Pelancaran " <i>Penang Exco Office For Tourism Development, Arts, Culture &amp; Heritage (PETACH)</i> " pada 28 Januari 2019 di Hotel E&O	49,760.00	PETACH	Majlis ini bertujuan untuk memperkenalkan Pejabat PETACH yang telah diperluaskan kepada empat portfolio iaitu Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang. Logo baru PETACH telah diberikan nafas baharu di mana PETACH akan mengaplikasikan konsep 4R iaitu <i>Restructuring, Rebranding, Remarketing, Repositioning</i> dalam pembangunan sektor pelancongan, seni, budaya dan warisan di Negeri Pulau Pinang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh seramai 160 tetamu kehormat termasuk Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ketua-Ketua Jabatan, Konsul-Konsul Jeneral dan penggiat sektor pelancongan, seni, budaya, warisan.
2	<i>Penang Celebrates: Chinese New Year with Kochabi @ Auto-City</i> pada 2 Februari 2019 di Auto-City, Juru	85,495.00	PETACH	Program ini bertujuan untuk membangunkan sektor pelancongan di Seberang Perai di samping menggalakkan perkembangan kebudayaan. Program ini juga merupakan sambutan perayaan Tahun Baru Cina dengan masyarakat tempatan serta para pelancong. Program ini telah mempromosikan kebudayaan dan kesenian melalui penganjuran pelbagai bengkel kesenian kraf tangan tradisi kepada pengunjung. Program ini juga memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai keunikan kepelbagaian budaya Pulau Pinang. Program ini juga adalah kali pertama Kerajaan Negeri menganjurkan program Tahun Baru Cina di Seberang Perai. Jumlah kehadiran dianggarkan sebanyak 10,000 orang.

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)	Anjuran	Huraian Sambutan Program
3	<i>Penang Celebrates: Chap Goh Meh With A Bang @ Esplanade</i> pada 19 Februari 2019 di Padang Kota Lama	254,009.84	PETACH	Program ini bertujuan untuk menyediakan satu platform yang berkesan untuk mempromosi kepelbagaian ( <i>diversity</i> ) Pulau Pinang yang unik kepada masyarakat tempatan dan para pelancong. Program ini telah melahirkan rasa bangga di kalangan masyarakat tempatan dalam memahami dan mempelajari nilai kebudayaan dan tradisi tempatan. Program ini juga merupakan satu amalan untuk menurunkan tradisi masyarakat Cina kepada generasi muda di samping mengeratkan hubungan ahli keluarga. Salah satu aspek utama sambutan kebudayaan ini adalah untuk memelihara budaya melontar buah limau ke dalam laut yang merupakan tradisi masyarakat Cina. Jumlah kehadiran dianggarkan sebanyak 30,000 orang.
4	<i>Penang Arts Week</i> dari 24 Mac hingga 7 April 2019 di Padang Kota Lama dan dari 8 hingga 21 April 2019 di Butterworth	684,562.95	PETACH	<i>Penang Arts Week</i> merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan industri seni dan pelancongan Pulau Pinang. Program ini merupakan platform kepada artis-artis tempatan untuk menonjolkan bakat seni mereka. Program ini telah mendapatkan sambutan yang sangat memberangsangkan daripada golongan seni tempatan serta orang awam. Program ini juga bertujuan untuk melonjakkan Pulau Pinang untuk menjadi hab kesenian di rantau Asia seumpama <i>Singapore Arts Week</i> dan <i>Hong Kong Binelle</i> . Program ini akan diteruskan pada tahun 2020 dengan nama " <i>Art Penang</i> " dan akan melibatkan lebih ramai artis seni. Melalui program ini, lebih ramai artis seni akan tertarik ke Pulau Pinang yang seterusnya meningkatkan taraf kesenian Pulau Pinang. Jumlah kehadiran dianggarkan sebanyak 12,000 orang.

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)	Anjuran	Huraian Sambutan Program
5	Majlis Pelancaran <i>Experience Penang Year 2020 (EPY2020)</i> pada 2 Jun 2019 di Hotel Equatorial	81,487.00	PETACH	Majlis ini diadakan sempena kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 ( <i>Visit Malaysia Year 2020</i> ). Pejabat PETACH telah mengumumkan tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Pulau Pinang ( <i>Experience Penang Year 2020</i> ) dalam majlis tersebut. Beberapa siri program yang menarik akan dilancarkan sempena tahun 2020 untuk memastikan Pulau Pinang kekal kompetitif dalam industri pelancongan dan seterusnya melonjakkan nama Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dunia. Seramai 150 tetamu kehormat termasuk YAB Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang, Ketua-Ketua Jabatan dan penggiat sektor pelancongan, seni, budaya dan warisan telah menghadiri ke majlis tersebut. Seiring dengan visi Penang2030, pelbagai kempen pemasaran yang disasarkan untuk pasaran antarabangsa dan domestik akan diadakan mulai tahun 2020 untuk menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan yang bernilai tinggi ke Negeri Pulau Pinang.
6	<i>Penang Dragon Boat Regatta 2019</i> dari 15 hingga 16 Jun 2019 di Empangan Teluk Bahang	105,961.70	PETACH	Program ini bertujuan untuk melonjakkan sektor pelancongan Pulau Pinang serta meraikan Duanwu Festival atau dikenali sebagai <i>Dragon Boat Festival</i> . Program ini telah mempromosikan kebudayaan masyarakat Cina serta mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama yang kaya dengan warisan, seni dan budaya. Jumlah kehadiran peserta dan pengunjung dianggarkan sebanyak 5,000 orang.
7	<i>Penang Celebrates: Hari Raya With Radio Sinar @ Design Village</i> pada 22 Jun 2019 di Design Village, Batu Kawan	211,264.90	PETACH	Program ini bertujuan untuk menyambut Hari Raya dengan masyarakat tempatan serta para pelancong dan memberi tumpuan kepada aspek kekeluargaan yang menjadi teras negara. Lebih daripada itu, apabila memikirkan seseorang itu adalah sebahagian daripada keluarga kita, lalu mendapat data dan pemikiran untuk melihat keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat, bukan sahaja membolehkan sistem sokongan kepada golongan terpilih dapat dibangunkan, malah sistem itu berkesan untuk jangka masa sederhana dan panjang. Jumlah kehadiran dianggarkan sebanyak 15,000 orang.

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)	Anjuran	Huraian Sambutan Program
8	<i>Penang Bon Odori Festival 2019</i> pada 20 Julai 2019 di Queensbay Mall Outdoor Car Park	347,711.88	PETACH dengan kerjasama Pejabat Konsul-Jeneral Jepun dan Malaysian-Japanese Society	Festival <i>Penang Bon Odori</i> diilhamkan daripada budaya dan adat resam masyarakat Jepun telah memaparkan pelbagai gerai jualan makanan tempatan, cenderahati dan kraftangan, persembahan budaya yang berasaskan budaya masyarakat Jepun. Program ini juga menyaksikan pertandingan akhir "Miss Bon Odori". Program ini bertujuan untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang. Program ini telah mendapat sambutan yang amat merangsangkan di mana ia telah menerima seramai 70,000 pelawat.
9	<i>Penang Celebrates: Mid-Autumn Festival 2019</i> pada 14 Sept 2019 di Padang Kota Lama	257,533.00	PETACH dengan kerjasama Gabungan Belia Persatuan Klan Cina Pulau Pinang dan Radio 988	Program kebudayaan ini diadakan untuk julung kalinya telah mendapat sambutan tinggi di mana bahan-bahan perhiasan telah dipamerkan di tapak tersebut sepanjang satu minggu. Program ini turut mendapat publisiti meluas melalui media sosial dan media tempatan serta telah menarik ramai pelawat dari dalam dan luar negara untuk mengambil bahagian. Program ini telah memperkenalkan elemen-elemen kebudayaan kepada orang ramai serta bersifat mesra keluarga ke arah visi Penang2030. Jumlah kehadiran dianggarkan sebanyak 20,000 orang.
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>		<b>2,077,786.27</b>		